

# SUMBANGAN SAYYID QUTB DALAM PERKEMBANGAN SASTERA ISLAM MODEN

Oleh:

Rosni bin Samah\*

Noor Azizi Bin Ismail\*\*

Nurhasma Binti Muhamad Saad\*\*\*

*rosni@usim.edu.my*

*azizi12@usim.edu.my*

*nurhasma@usim.edu.my*

## ABSTRAK

*Sayyid Qutb merupakan tokoh yang tidak asing lagi dalam arus kebangkitan Islam. Beliau banyak menerbitkan artikel dan juga buku-buku tentang kesedaran Islam. Dalam arus sastera Islam beliau merupakan tokoh pertama mengemukakan idea dan definisi sastera Islam yang menggambarkan sarjana lain untuk turut membincangkannya. Kajian ini berkisar di sekitar apakah sumbangan beliau dalam perkembangan sastera Islam moden. Tujuannya ialah untuk mengenalpasti isu-isu sastera Islam yang dibincangnya, mengemukakan definisi yang diperkatakan, dan menyingkap kesan sumbangan tersebut dalam perkembangan sastera Islam moden. Dapatan kajian menunjukkan beliau merupakan tokoh pertama yang memberi sumbangan dengan mengemukakan idea kritikan dan definisi sastera Islam moden yang memberi impak kepada sarjana lain untuk menyemarakkan lagi idea mereka.*

**Kata kunci:** Sastera Islam, Teori Sastera Islam, Sayyid Qutb.

---

\* Rosni bin Samah, Phd, Profesor Madya di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

\*\* Noor Azizi Bin Ismail, Phd, Pensyarah di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

\*\*\* Nurhasma Binti Muhamad Saad, M.A, Pensyarah di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai Negeri Sembilan.

## ABSTRACT

*Sayyid Qutb is a reknown scholar in the Islamic civilization. He has written many articles and books related to the understanding of Islam. In the Islamic literature, Sayyid Qutb was the first scholar to develop and potray the ideas and defination of Islamic literature and interdisciplinary discussion. This research explores and examines the contribution of Sayyid Qutb in the modern Islamic literature. The objectives are to identify the issues of Islamic literature, to suggest the defination and to enviel the contribution in the modern Islamic literature. The findings of the research indicate that Sayyid Qutb was indeed the first scholar to give his critical ideas and define modern Islamic literature and give impact to other scholars to expand their ideas.*

**Keywords:** *Islamic Literature, Theory of Islamic Literary, Sayyid Qutb*

## PENDAHULUAN

Gema ke arah sastera Islam muncul semula dalam arus kebangkitan Islam dengan laungan yang dipelopori oleh tokoh reformasi Islam. Mereka mahu menjadikan sastera sebagai wadah dakwah untuk menyedarkan masyarakat. Tokoh yang tidak asing lagi dalam bidang ini ialah Sayyid Qutb yang banyak memperkatakan isu tersebut melalui artikel dan buku-bukunya. Beliau juga merupakan sarjana pertama mengemukakan definisi sastera Islam yang memberi nafas kepada sarjana lain untuk menghuraikannya. Hasil daripada sumbangan beliau, muncullah artikel dan buku-buku yang membincangkan sastera Islam dalam pelbagai sudut dan akhirnya muncullah karya sastera Islam. Begitu juga terdapat universiti tertentu yang menawarkan subjek sastera Islam moden kepada pelajarnya.

## SEJARAH HIDUP SAYYID QUTB

Nama sebenar beliau ialah Sayyid bin al-Haj Qutb Ibrahim dan lebih dikenali dengan nama Sayyid Qutb. Beliau dilahirkan pada 9 Oktober tahun 1906 di sebuah perkampungan yang bernama Musya atau Musyat terletak di dalam daerah Asyut di selatan negara Mesir.<sup>1</sup>

Keluarga Sayyid Qutb merupakan keluarga yang kuat mematuhi ajaran agama Islam serta dihormati di kampungnya. Bapa Sayyid iaitu Haji

---

<sup>1</sup> Azmi Mohd Ali (1986.), *Biografi Asy-Syahid Sayyid Qutb Rahimahullah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi, h. 10

Ibrahim adalah seorang yang disegani dan banyak berbakti kepada masyarakat setempat. Setiap tahun beliau menghidupkan hari-hari kebesaran Islam dengan mengadakan majlis jamuan dan tilawah al-Qur'an di rumahnya khususnya pada bulan Ramadhan. Ibunya juga seorang wanita yang sangat menyintai al-Qur'an.

Sālah Abdul Fattah al-Khalidiyy menjelaskan bahawa Sayyid Qutb menyertai dan terlibat dengan semua majlis tilawah al-Qur'an yang diadakan di rumahnya. Aktiviti tersebut memberi kesan yang mendalam dalam jiwa sehingga beliau bercita-cita menjadi *qari* yang terkenal. Beliau mula menghafal al-Qur'an sewaktu beliau berada di darjah dua sekolah rendah dan umurnya ketika itu ialah lapan tahun. Beliau mempunyai kesungguhan yang amat kuat dalam menghafal al-Qur'an. Beliau sanggup berjaga malam untuk mengulang kembali ayat-ayat yang telah dihafalnya. Hasil dari usaha yang gigih itu, Sayyid telah berjaya menghafal sebanyak sepuluh juzuk al-Qur'an dalam masa satu tahun sahaja. Beliau telah berjaya menghafal keseluruhan al-Qur'an dalam masa tiga tahun sahaja iaitu sewaktu umurnya baru mencecah sepuluh tahun dan beliau pada masa itu berada di dalam darjah empat.<sup>2</sup>

Sayyid Qutb menamatkan pembelajaran peringkat rendah di kampungnya iaitu di Musyat selama enam tahun bermula dari tahun 1912 sehingga pada tahun 1918. Pada akhir tahun 1918 beliau telah melanjutkan pelajarannya di sekolah menengah. Namun begitu, pembelajarannya di peringkat sekolah menengah terhenti selama dua tahun iaitu pada tahun 1918 dan tahun 1919 kerana revolusi yang berlaku di Mesir pada masa itu.

Setelah keadaan kembali pulih di Mesir iaitu selepas tamatnya revolusi, Sayyid Qutb telah berpindah ke Kaherah untuk menyambung kembali pembelajarannya yang telah terhenti selama dua tahun. Beliau berpindah ke Kaherah pada tahun 1921. Di sana beliau telah tinggal bersama bapa saudaranya yang bernama Ahmad Hussain Othman di satu kawasan penempatan Zaitun. Bapa saudaranya merupakan seorang lulusan Universiti al-Azhar dan bekerja sebagai pemberita. Keadaan ini telah menimbulkan keinginan Sayyid Qutb untuk berkarya dan menjadi seorang pemberita seperti bapa saudaranya.<sup>3</sup>

Sewaktu berada di Kaherah, Sayyid Qutb telah menyambung pelajarannya di sekolah menengah rendah Abdul Aziz selama tiga tahun bermula dari tahun 1921 sehingga tahun 1924. Pada tahun 1925 beliau

<sup>2</sup> Sālah Abdul Fattah Al-Khalidiyy (1994.), *Sayyid Qutb Min al-Mīlad ila al-Isytišād*. Damsyik: Dār al-Qalām, h. 501

<sup>3</sup> Sayyid Basyīr Ahmad Kashmīrī (1986), *Abqariyy al-Islām Sayyid Qutb al-Adīb al-Imlāq Wa al-Mujaddid al-Mulhim Fī Dawr al-Asri Wa Injāzātih al-Adabiyyat*. Kaherah: Dār al-Fadīlat, h. 64

menyambung pelajarannya di maktab perguruan sehingga tahun 1928 dan meneruskan pembelajarannya di Pra Universiti *Darul 'Ulūm* Kaherah selama dua tahun sehingga tahun 1929. Setelah tamat pengajian di Pra Universiti iaitu pada tahun 1930 beliau menyambung pengajiannya di *Dārul 'Ulūm* di dalam jurusan perguruan dengan pengkhususan sastera Arab. Sayyid Qutb menamatkan pengajiannya di *Dārul 'Ulūm* pada tahun 1933 dengan memegang sijil BA Perguruan Bahasa Arab sewaktu umurnya mencecah usia dua puluh tujuh tahun.<sup>4</sup>

Setelah menamatkan pengajian di Universiti *Dārul 'Ulūm*, beliau bekerja di Pejabat Pendidikan Mesir selama lapan belas tahun. Sepanjang perkhidmatannya, beliau memegang beberapa jawatan samada jawatan pembantu atau jawatan penting di dalam jabatan pendidikan tersebut.

Pada tahun 1948 hingga tahun 1950 Sayyid Qutb telah dihantar oleh Jabatan Pendidikan Mesir ke Amerika Syarikat untuk mempelajari sistem pendidikan Amerika Syarikat dan menerapkan sistem pendidikan Amerika di Mesir.

Sayyid Qutb tinggal di Amerika selama dua tahun iaitu dari tahun 1948 hingga 1950. Pada 20 Ogos 1950 beliau kembali semula ke Mesir dan menyambung kembali pekerjaannya di Jabatan Pendidikan Mesir.

Muhammad al-Sayim menyatakan bahawa Sayyid Qutb terlibat secara langsung di dalam pergerakan sosial dan dakwah melalui Pergerakan Ikhwan Muslimin Mesir yang ditubuhkan oleh Sheikh Hassan al-Banna di Ismailiyah Mesir pada bulan lapan tahun 1927.<sup>5</sup>

Setelah menyertai pergerakan Ikhwan Muslimin, beliau memegang banyak jawatan penting dalam pergerakan tersebut. Antara jawatan yang dipegang ialah anggota majlis tertinggi dan dilantik sebagai pegawai penerangan dan dakwah pada tahun 1953. Pada bulan Julai 1954 beliau dilantik sebagai ketua pengarang akhbar "*Ikhwan Muslimin*". Sayyid Qutb telah dipenjarakan atas tuduhan menjadi ketua pengarang akhbar yang menentang perjanjian di antara kerajaan Mesir dengan kerajaan Inggeris.

Semasa berada di dalam penjara, beliau disiksa dengan teruk sehingga dimasukkan ke hospital tentera pada 3 Mei 1955 dengan keadaan yang sangat lemah. Sayyid Qutb ditahan sehingga tahun 1964. Sepanjang tempoh tahanannya itulah beliau menumpukan perhatian menulis buku-buku yang boleh menjadi pedoman umat Islam.

Selepas dibebaskan, Sayyid Qutb memenuhi masa lapang dengan berdakwah kepada masyarakat melalui penulisannya. Antara kerja yang

<sup>4</sup> Ādīl Hamūdāt (1996), *Sayyid Qutb Min al-Qaryat Ila al-Mishnaqat*, Cetakan ketiga. Kaherah: Dār al-Khayyāl, h. 47

<sup>5</sup> Muhammad al-Sayim (t.t.), *Shuhada' al-Islāmiyyat fī al-Qarni al-'Isyrīn*. Kaherah: Dār al-Fadīlat, h. 60

dilakukan ialah beliau melengkapkan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'an* yang mula ditulis semasa beliau berada di dalam penjara. Selepas beberapa bulan dibebaskan, Sayyid Qutb ditangkap kembali.

Pada bulan Ogos 1966, hakim Mahkamah Tentera Mesir iaitu Jeneral Fuad al Dagawi telah memutuskan beliau bersalah dan dikenakan hukuman gantung sehingga mati. Akhirnya pada pagi Isnin 29 Ogos 1966, Sayyid Qutb telah dihukum gantung sehingga mati.

## **KARYA SAYYID QUTB**

Muhammad Awwal Abu Bakar menyatakan bahawa penulisan Sayyid Qutb boleh dibahagikan kepada dua peringkat utama. Peringkat pertama ialah penulisan yang memberikan tumpuan kepada bidang penulisan sastera seperti puisi, *qasidah*, kisah-kisah, nadwah dan kuliah-kuliah dalam bidang bahasa Arab. Peringkat pertama berlangsung selama dua puluh tahun bermula dari tahun 1925 sehingga tahun 1945 lebih kepada penulisan rencana untuk dimuatkan di dalam majalah, surat-surat khabar dan sebagainya.<sup>6</sup>

Peringkat kedua penulisan Sayyid Qutb ialah penulisan karya-karya yang bercorak keagamaan berlangsung selama dua puluh tahun juga bermula dari tahun 1945 sehingga tahun 1965. Jumlah keseluruhan karya ringkas seperti sajak, *qasidah*, rencana di dalam akhbar yang dikumpulkan oleh Abdul Bāqiy Muhammad Hussain ialah sebanyak empat ratus lima puluh lima buah tulisan.<sup>7</sup>

Dari sudut penulisan puisi pula, tema puisi beliau boleh dibahagikan seperti berikut :

i. Kritikan.

Maksud kritikan ialah kritikan yang dilemparkan kepada suasana masyarakat sekitarnya, kritikan kepada jiwa dan kritikan kepada cita-cita.

ii. Keluhan

Keluhan ini ditujukan kepada keadaan kehidupan. Beliau mengeluh atas sesuatu kehilangan, pemergian masa, takdir dan kebahagian seorang penyajak.

iii. Rindu

Beliau melahirkan rasa rindu kepada masa kecilnya, kampung halaman, kebahagiaan, keindahan dan rindunya kepada negara Mesir semasa beliau berada di Amerika Syarikat.

<sup>6</sup> Muhammad Awwal Abu Bakar (1978), *Sayyid Qutb ; A Study of His Critical Ideas*. Kajian Ilmiah, Universiti Of Edinburgh, h. 55

<sup>7</sup> Abdul al-Bāqiy Muhammad Husain (1986), *Sayyid Qutb Hayātuh Wa Adabuh*. al Mansūrat: Dār al-Wafa`at Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi`i, h. 141

iv. Gambaran

Gambaran yang terdapat dalam puisi beliau ialah gambaran tentang kehidupan seperti kehidupan di padang pasir, ragam kehidupan manusia dan sebagainya. Beliau juga menggambarkan keadaan dirinya sendiri seperti sifat-sifatnya sendiri dan lain-lain lagi.

v. Cinta

Maksud cinta di sini ialah cerita-cerita beliau tentang wanita, kasih-sayang dan sebagainya.

vi. Penceritaan

Gambaran yang diceritakan ialah gambaran alam semula jadi seperti gambaran waktu malam, gambaran musim bunga dan sebagainya.

vii. Ratapan

Ratapan ini diungkapkan sempena kematian tokoh-tokoh seperti Sa`ad Za'lūl, al-'Ubaīd, Syāhid Tairan dan sebagainya.

viii. Patriotik

Melahirkan perasaan cintakan negara dan tanah airnya iaitu negara Mesir.

Amir Hussain Mohd Nor mengatakan bahawa tulisan Sayyid Qutb pada peringkat ini bukan hanya terhad kepada sastera dan bahasa sahaja, malah beliau juga turut memberi penekanan kepada isu-isu pendidikan, sosial dan ekonomi seperti *al-Qasas al-diniyy* (Kisah-kisah agama), *al-Jadid fī al-Lughat al-'Arabiyyat* (Pembaharuan dalam bahasa Arab), *Rawdat al-Tifl* (Taman kanak-kanak) dan *al-Jadīd fī al-Mahfuzat* (Pembaharuan dalam puisi).<sup>8</sup>

Karya Sayyid Qutb adalah sebanyak dua puluh enam buah buku. Dua puluh lima dari buku itu dicetak dan diedarkan semasa beliau masih lagi hidup. Sebuah bukunya *Muqawwamat al-Tasawwur al-Islāmiyy* dicetak dua puluh tahun selepas kematiannya.

Secara umumnya buku-buku Sayyid Qutb yang dicetak boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu :

- A- **Karya-karya sastera.** Jumlah buku sastera yang dihasilkan oleh beliau ialah sebanyak tiga belas buah iaitu :-
- i. **مهمة الشاعر في الحياة وشعر الجيل الحاضر**  
Peranan penyair dalam kehidupan dan puisi generasi kini

<sup>8</sup> Amir Hussain Mohd Nor (1997), *The Concept Of Jihad According To Sayyid Qutb In His Fī Zilāl Al-Qur'an*. Kajian Ilmiah, Universiti Of Edinburgh, h. 8

- ii. الشاطيء المجهول  
Pantai misteri
- iii. نقد كتاب مستقبل الثقافة في مصر  
Kritikan buku tentang masa depan peradaban Mesir
- iv. التصوير الفني في القرآن  
Gambaran kesenian dalam al Qur'an
- v. الأطياف الأربع  
Empat igauan
- vi. طفل من القرية  
Budak kampung
- vii. المدينة المسحورة  
Bandar ajaib
- viii. كتب وشخصيات  
Karya dan Tokoh
- ix. أشواك  
Ranjau
- x. روضة الطفل  
Taman kanak-kanak
- xi. الجديد في اللغة العربية  
Pembaharuan dalam bahasa Arab
- xii. الجديد في المحفوظات  
Pembaharuan dalam puisi
- xiii. النقد الأدبي : أصوله ومناهجه  
Kritikan sastera (dasar dan konsep)

- B- **Karya-karya Islam.** Jumlah buku bercorak Islam yang dihasilkan juga adalah sebanyak tiga belas buah iaitu:<sup>9</sup>
- i. مشاهد القيامة في القرآن  
Gambaran hari kiamat di dalam al Qur'an
  - ii. القصص الدينى للأطفال  
Kisah-kisah agama untuk kanak-kanak
  - iii. العدالة الاجتماعية فى الإسلام  
Keadilan sosial dalam Islam
  - iv. معركة الإسلام والرأسمالية  
Pertempuran di antara Islam dengan Kapitalis
  - v. السلام العالمى والإسلام  
Kesejahteraan sejagat dan Islam
  - vi. في ظلال القرآن  
Tafsir di bawah naungan al Qur'an

---

<sup>9</sup> Sālah Abdul Fattah al-Khalidiyy (1994), *op.cit.*, h.561

- vii. دراسات إسلامية  
Pengajian Islam
- viii. هذا الدين  
Inilah agama
- ix. المستقبل لهذا الدين  
Masa hadapan bagi agama ini
- x. خصائص التصور الإسلامي  
Ciri-ciri tasawwur Islam
- xi. الإسلام ومشكلات الحضارة  
Islam dan isu-isu tamadun
- xii. معالم في الطريق  
Panduan perjalanan ini
- xiii. مقومات التصور الإسلامي  
Paksi-paksi Tasawwur Islam

## SUMBANGAN DALAM PERKEMBANGAN SASTERA ISLAM

Gema ke arah bersastera mengikut perspektif Islam mula dirasai di awal dekad lima puluhan. Ia muncul kesan dari arus pergerakan kebangkitan Islam sendiri dan dibawa oleh tokoh-tokoh reformasi Islam yang ingin menjadikan bahan sastera sebagai media dakwah untuk menyedarkan masyarakat dan membawa mesej reformasi.

Sastera Islam merupakan terminologi baru yang muncul dalam arus moden, bahkan ia lebih merupakan arus kritikan sastera yang muncul hasil daripada arus kebangkitan Islam. Ia bukanlah Sastera Islam yang lahir semasa kelahiran Islam dahulu, bahkan merupakan sastera Islam moden yang muncul semula di zaman moden ini selepas terpinggir buat beberapa dekad. Walau bagaimanapun konsep dan fungsinya tetap sama dengan sastera Islam yang pernah lahir di zaman permulaan Islam dahulu.

Sebenarnya sastera Islam mula muncul sejak wahyu pertama diturunkan kepada baginda Nabi Muhammad dan berkembang mengikut perkembangan Islam dengan begitu rancak. Selepas kejatuhan pemerintahan Abasiyyah, perkembangannya mula reda. Keredaan tersebut dapat dilihat dan dirasai sehingalah ke zaman moden. Untuk menghidupkan semula sastera Islam, ia memerlukan sumbangan sarjana-sarjana Islam untuk menggaris semula ciri-cirinya, definisi, dimensi, tema serta beberapa syarat dan saranan yang lain. Bertolak dari sini, maka ia muncul semula sebagai satu mazhab, iaitu mazhab sastera Islam untuk menyahut arus kebangkitan Islam dalam membawa arus sastera mengikut perspektif Islam.

Dalam sejarah perkembangan sastera dunia, kita dapati pelbagai mazhab sastera muncul hasil dari pergolakan pemikiran, kehidupan dan alam sekeliling, seperti aliran klasik, romantis, dan sebagainya. Dengan kemunculan pergerakan kebangkitan Islam di zaman moden ini,

menyumbang ke arah melahirkan satu arus sastera mengikut perspektif Islam. Tujuannya ialah untuk menjadikan sastera sebagai wadah dan media dakwah seperti yang pernah berlaku di zaman awal Islam.<sup>10</sup>

Sarjana Islam pertama yang meneroka bidang ini dan melaungkan gagasan ke arah menghidupkan semula sastera Islam, ialah Syeikh Abu Hasan al-Nadawi. Beliau merupakan seorang tokoh pelopor dalam bidang ini dengan melaungkan gagasan dan saranan ke arah bersastera mengikut perspektif Islam. Bagi menjayakan gagasan tersebut, beliau menerbitkan satu eseи ke arah sastera Islam semasa dipilih sebagai seorang ahli anggota Dewan Ilmu di Damsyik. Dari hasil usaha beliau jugalah, satu seminar antarabangsa yang pertama bagi sastera Islam dapat dianjurkan bertempat di India. Hasil daripada seminar ini, tertubuhlah Liga Sastera Islam Sedunia. Beliau sendiri diamanatkan sebagai pengarahnya.<sup>11</sup>

Sumbangan gagasan ke arah Sastera Islam yang tidak dapat dilupakan muncul lagi dari seorang tokoh pengkritik sastera dan pendakwah Islam yang tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat dan dunia Islam. Beliau ialah al-Marhum Sayyid Qutb yang merupakan pembuka jalan ke arah sastera Islam Moden. Beliau menyeru dan melaungkan agar dapat dikembalikan arus sastera hari ini kepada arus sastera Islam. Banyak penulisan beliau tentang ke arah sastera Islam disiarkan di dada-dada akhbar “*Ikhwan Muslimin*”. Beliau sendiri merupakan ketua editornya. Dalam masa yang sama, beliau merupakan penyelia ruangan sastera dalam akhbar tersebut. Kedudukan ini membolehkan beliau melontar pandangan dan kritikan dengan bebas. Beliau juga menulis beberapa artikel tentang gagasan ke arah sastera Islam di bawah tajuk “**Manhaj Sastera**”.

Beliau turut mengemukakan beberapa pandangan umum terhadap sastera Islam untuk membuka tirai perbincangan, yang boleh menarik perhatian ramai sarjana, sasterawan dan pengkritik sastera. Dalam masa yang sama, beliau menyeru supaya ditulis semula sejarah Islam mengikut perspektif Islam sebenar dan membetulkan semula kesalahan dan kesilapan yang berlaku dalam penulisan yang sedia ada. Kemudian pandangan-pandangan beliau itu dikumpul dan dijadikan sebuah buku kecil berjudul *Dalam Sejarah : Pemikiran dan Manhaj* yang diterbitkan buat kali pertama pada tahun 1967 oleh Pustaka al Saudiah, Jeddah.

Dalam tahun 1961, usaha beliau diteruskan oleh saudaranya Muhammad Qutb yang memperjelaskan lagi konsepnya dengan menerbit sebuah buku berjudul “*Manhaj Kesenian Islam*” sebagai menyambung dan menyahut seruan yang dilaungkan oleh saudaranya Sayyid Qutb. Beliau cuba

<sup>10</sup> Tahir Muhammad Ali (1989), *al-Malamih al-'Ammah li Nazāriati al-Adāb al-Islāmi*. Beirut: Dār al-Ma'rifah, h. 109

<sup>11</sup> Sa'id Abu al-Redha (1983), *al Adab al Islami - Qadiyah wa Bina'*, Jeddah, h.86

menghurai dan menjelaskan pandangan dan permasalahan yang ditimbulkan oleh saudaranya dengan lebih terperinci. Beliau membincangkan permasalahan seni termasuk bidang sastera dengan meluas mengikut perspektif Islam. Buku ini merupakan buku pertama dalam bahasa Arab yang membincangkan permasalahan sastera mengikut perspektif Islam. Berdasarkan pendapat dan pandangan beliau, definisi sastera Islam ialah: “Ungkapan yang indah tentang alam, kehidupan dan manusia menurut perspektif Islam”.<sup>12</sup>

Sayyid Qutb merupakan sarjana pertama yang menyumbang ke arah perkembangan tamadun sastera Islam Moden dengan idea-idea kritikan dan definisi yang menjadi batu asas sehingga ke hari ini. Idea-idea beliau menjadi panduan kepada sarjana dan sasterawan. Definisi beliau menjadi tunggak perbincangan dan idea kepada sarjana-sarjana untuk menggariskan definisi sastera Islam Moden.

Sumbangan Sayyid Qutb dalam bidang ini boleh dibahagikan kepada dua bidang utama. Pertama, lontaran idea-idea kritikan untuk menjana perbincangan tentang gambaran Islam untuk mencari identiti sastera Islam. Kedua, paparan definisi sastera Islam yang menjadi batu asas dalam perkembangan sastera Islam Moden.

### A ) Sumbangan Idea-Idea Kritikan

Sumbangan idea-idea kritikan yang beliau kemukakan boleh dilihat dengan jelas semasa beliau mengemukakan pandangannya terhadap gambaran Islam tentang Allah, alam, kehidupan dan manusia. Beliau membincangkan hubungan antara perkara-perkara di atas dengan lebih jelas. Di samping itu, beliau turut menterjemahkan gambaran Islam dalam bahan bacaan yang lebih realiti, iaitu Tafsir Dhilal.

Dalam buku *Kritikan Sastera* beliau membincangkan pandangannya terhadap sastera Islam. Antaranya ialah sastera atau seni yang terpancar daripada gambaran Islam tentang kehidupan tidak banyak menggambarkan detik-detik kelemahan manusia dan pendedahannya juga tidak meluas dan menyeluruh. Islam tidak menolak seni tetapi tidak dapat menerima beberapa gambaran salah yang digambarkan oleh seni tersebut. Sewajarnya seni sastera lebih menggambarkan kehidupan masyarakat mengikut gambaran Islam yang telus dan menyeluruh.<sup>13</sup>

Dalam buku *Ciri-Ciri Gambaran Islam*, beliau membincangkan tujuh ciri-ciri tersebut, iaitu ketuhanan, kemantapan, menyeluruh, keseimbangan, positif, realiti dan tauhid. Buku ini merupakan satu pendekatan untuk mengenal pasti ciri-ciri gambaran Islam dan nilai-nilainya

---

<sup>12</sup> Muhammad Qutb (1981), *Manhaj al Fanni al Islāmi*, Dār al-Shuruq, Beirut, h. 6

<sup>13</sup> Sayyid Qutb (t.t.) *al-Naqd al-Adābi*, Beirut: Dār al-Shuruq.

yang menggambarkan sistem realiti kehidupan dan dasar pemikiran seni yang boleh diambil daripada gambaran telus lagi menyeluruh tentang kehidupan.<sup>14</sup>

Sastera Islam kreatif hendaklah terpancar daripada ciri-ciri gambaran Islam yang berinteraksi dengan naluri, emosi, pandangan yang luas lagi terbuka dan selera manusia. Dalam skop yang luas tanpa sempadan itu, ia hendaklah sentiasa berada dalam ruang lingkup Islam.

Ciri ketuhanan ini merupakan tunggak utama yang membawa dan melahirkan ciri-ciri yang lain. Segala gambaran kehidupan yang digambarkan oleh sasterawan hendaklah mempunyai ciri-ciri ketuhanan ini, bagi menjelaskan bahawa alam dan manusia dicipta oleh Allah. Kehidupan dan segala-galanya kembali kepada Allah. Beliau membincangkan pengertian manusia dalam gambaran Islam dan hubungannya dengan alam dan penciptanya.<sup>15</sup>

Ciri kemantapan pula dinyatakan bahawa gambaran Islam yang mempunyai ciri ini tidak akan sesat dan menyesatkan orang lain. Walaupun ruang lingkup gambaran tersebut tidak mempunyai sempadan, tetapi pergolakan hendaklah berpaksikan kepada tunjang ketuhanan. Sasterawan boleh menggambarkan gambaran yang bebas tetapi hendaklah berasaskan kepada paksi ketuhanan dalam apa keadaan sekalipun. Bagi menjelaskan ciri ini, beliau menyatakan beberapa hakikat yang perlu dicapai seperti di bawah:

- i. Hakikat kewujudan Allah.
- ii. Hakikat alam daripada ciptaan Allah.
- iii. Hakikat keabadian hanya untuk Allah.
- iv. Hakikat keimanan syarat penerimaan amalan.
- v. Hakikat Islam agama Allah.
- vi. Hakikat keutamaan manusia daripada segala makhluk.
- vii. Hakikat ketakwaan garis pengukur kepada hamba.
- viii. Hakikat matlamat kehidupan manusia untuk beribadah.
- ix. Hakikat akidah pengikat perpaduan.
- x. Hakikat dunia tempat beribadah dan akhirat tempat balasan.

Dengan berpandukan kepada hakikat yang diutarakan ini sasterawan tidak akan tergelincir daripada landasan gambaran Islam dalam karyanya.

Ciri menyeluruh pula menunjukkan bahawa gambaran Islam tidak dibatasi oleh sempadan tempat dan juga masa. Ia bukanlah untuk masyarakat tertentu sahaja dalam sesuatu masa, tetapi untuk semua masyarakat tanpa mengira tempat dan masa. Dengan tidak ada batasan ini, sasterawan bebas menggambarkan perasaannya terhadap apa yang berlaku dalam alam ini.

<sup>14</sup> Sayyid Qutb (1978), *Khaṣāis al-Tasāwwur al-Islāmi*, Jeddah: Ittihad al-Islami, h. 5

<sup>15</sup> *Ibid*, h. 66.

Ciri keseimbangan pula memberi keadilan dan saksama dalam gambaran dengan tidak menggambarkan kebaikan atau keburukan semata-mata. Beliau membincangkan keseimbangan antara pengabadian manusia dan cintanya kepada alam, keseimbangan antara kehendak Ilahi dan perjalanan alam, keseimbangan antara kehendak Ilahi dan kehendak manusia.

Beliau membincangkan ciri positif dari dua sumber utama. Pertama, positif dalam hubungan antara Allah dan alam, kehidupan dan manusia. Kedua, positif hasil daripada manusia dalam ruang lingkup kemanusiaan. Beliau menjelaskan lagi ciri-ciri positif ini dengan membincangkan hubungan positif antara alam, manusia dan kehidupan dengan Allah. Gambaran Islam menggambarkan hubungan tersebut dengan sifat positif. Segala hubungan yang bersifat negetif antara perkara-perkara di atas ditolak oleh Islam.

Ciri realiti pula, beliau menjelaskan maksud realiti tersebut dalam gambaran Islam, iaitu apa yang ada dalam alam realiti ini. Gambaran Islam menekankan realiti hakikat ketuhanan, realiti hakikat alam dan realiti hakikat kemanusiaan. Realiti ini hendaklah digambarkan dengan telus dan tidak disalah tafsir.

Ciri tauhid pula merupakan ciri terakhir yang menjadi pengikat dan simpulan bagi ciri-ciri di atas. Dimaksudkan dengan tauhid di sini ialah gambaran yang dibuat oleh sasterawan hendaklah jangan menyalahi akidah tauhid atau menggambarkan kepercayaan khurafat atau syirik.

Buku ini merupakan lontaran idea-idea kritikan beliau dalam usaha membina pendekatan sastera Islam. Ia merupakan garis panduan bagi membentuk definisi sastera Islam. Keberkesanan idea-idea ini terbukti dengan munculnya sarjana-sarjana yang membincang dan menghuraikannya.

### **B ) Sumbangan Definisi Sastera Islam Moden**

Sayyid Qutb seorang tokoh pelopor yang tidak asing lagi dalam bidang ini. Selain daripada mengemukakan idea-idea kritikan ke arah bersastera mengikut gambaran Islam, beliau juga menyumbang definisi yang menjadi batu asas kepada perkembangan tamadun sastera Islam Moden. Beliau merupakan sarjana Arab pertama yang mengemukakan definisi sulung untuk sastera Islam. Beliau merupakan tokoh pertama yang meneroka bidang tersebut dengan kemunculan definisinya. Beliau mendapat peluang yang begitu bernilai ketika dilantik sebagai ketua pengarang bagi majalah *Ikhwan Muslimin*. Ini lebih bermakna lagi apabila beliau sendiri yang mengelola ruangan sastera dalam majalah tersebut. Bertolak dari sinilah beliau mengemukakan pandangannya tentang definisi sastera Islam. Kemunculan penulisannya itu memberi kesan positif kepada perkembangan tamadun sastera Islam Moden yang mula diperkatakan dan mendapat sambutan

daripada para sarjana sastera khususnya mereka yang mempunyai kesedaran Islam.

Pada peringkat awal, beliau mendefinisikan sastera Islam dengan katanya: “Ungkapan tentang pergolakan atau dorongan perasaan dalam bentuk yang boleh memberi inspirasi”.<sup>16</sup> Kemudian beliau cuba menghurai dan menjelaskan lagi definisi tersebut dengan lebih jelas melalui katanya: “Ungkapan inspirasi tentang nilai-nilai dinamis yang bergolak dengan perasaan sasterawan yang terpancar daripadanya gambaran khusus tentang kehidupan dan hubungannya antara manusia dan alam dan hubungan sesama manusia.”<sup>17</sup>

Daripada dua definisi yang dikemukakan oleh Sayyid Qutb, kita dapatiti bahawa ia tidak bertentangan antara keduanya, bahkan definisi yang kedua merupakan huraian dan penjelasan bagi definisi pertama yang lebih bersifat umum.

Bertolak dari sini, jelas dapat dilihat bahawa kedua-dua definisi tersebut jelas menggambarkan bahawa bersastera mengikut perspektif Islam hendaklah berlandaskan kepada dua perkara pokok. Pertama, pergolakan dalaman atau dorongan perasaan yang jujur. Kedua, ungkapan dinamis yang indah tentang pergolakan dalaman atau dorongan tersebut yang memberi inspirasi kepada nilai-nilai murni.

Dimaksudkan dengan pergolakan dalaman atau dorongan perasaan di atas ialah pergolakan perasaan yang berlaku dalam jiwa sasterawan hasil daripada sesuatu pengaruh luar atau situasi yang boleh mengerakkan perasaan bagi menggambarkannya dengan ungkapan indah yang dapat mempengaruhi jiwa pendengar dan penonton supaya mereka dapat merasai seperti apa yang dirasainya.

Sebenarnya tidak dimaksudkan dengan ungkapan di sini, semata-mata ungkapan kosong sahaja, tetapi yang dikehendaki ialah ungkapan yang dapat membentuk suatu gambaran indah, dinamis, inspirasi, memberi kesan dan boleh menimbulkan pergolakan perasaan dalam jiwa orang lain.<sup>18</sup>

Definisi beliau di atas lebih fokus kepada ke arah bersastera atau berseni secara umum. Bagi sastera Islam, sudah tentu ia mempunyai garis panduan dan syarat-syarat yang tersendiri mengikut perspektif Islam. Apabila kita mengamati dan meneliti definisi tersebut, kita akan menemui dengan garis panduan dan syarat-syarat tersebut, iaitu gambaran khusus tentang kehidupan dan hubungannya. Gambaran inilah yang menjelaskan kehendak sastera Islam sebenar kerana dalam Islam sendiri terdapat gambaran khusus

---

<sup>16</sup> *Ibid*, h. 8

<sup>17</sup> *Ibid*, h. 11

<sup>18</sup> Salleh Adam Bilu (1985), *Min Qadāya al-Adāb al-Islāmi*, Jeddah: Dār al-Manārah, h. 52

tentang kehidupan yang terpancar daripadanya nilai-nilai tersebut yang mempunyai sifat-sifat tersendiri.

## **KESAN SUMBANGAN SAYYID QUTB DALAM PERKEMBANGAN SASTERA ISLAM MODEN**

Definisi sastera Islam yang dikemukakan oleh beliau menjadi modul kepada sarjana-sarjana selepasnya untuk merangka definisi dan pendekatan ke arah sastera Islam Moden. Kita dapat lihat sastera Islam diperkatakan dengan lebih lantang sehinggalah tertubuhnya Liga Sastera Islam Sedunia yang berpusat di Riyadh. Gagasan tersebut berkembang hasil daripada sumbangan idea dan definisi yang digariskan oleh Sayyid Qutb. Perkembangan tamadun sastera Islam Moden hari ini berteraskan kepada sumbangan beliau yang merupakan pengasas utama dalam bidang ini.

Sarjana pertama yang menyahut dan memperjelaskan definisi beliau ialah saudaranya Muhammad Qutb dengan mengemukakan definisi seni Islam yang merangkumi di dalamnya sastera Islam. Ia merupakan penjelasan dan huraian yang lebih jelas lagi terhadap definisi yang dikemukakan oleh saudaranya Sayyid Qutb. Definisi tersebut ialah “ungkapan indah tentang alam, kehidupan dan manusia mengikut perspektif Islam terhadap perkara tersebut”.<sup>19</sup>

Dimaksudkan dengan ungkapan yang indah dalam definisi di atas ialah ungkapan yang memenuhi ciri-ciri berkarya atau bersastera samada dalam bidang syair atau prosa seperti novel, cerpen dan teater. Jika ungkapan tersebut tidak memenuhi ciri-ciri tersebut, maka sudah tentu ia tidak tergolong dalam golongan sastera dan tidak dinamakan sastera Islam atau bukan Islam.

Selepas daripada kemunculan tokoh ini, muncul pula para sarjana dan penyelidik yang cuba mengengahkan definisi mereka tersendiri tentang sastera Islam. Hampir keseluruhan definisi mereka berteraskan atau bertitik tolak daripada definisi yang telah diutarakan oleh Sayyid Qutb. Definisi mereka merupakan penjelasan dan huraian yang berasaskan daripada definisi sarjana Sayyid Qutb.

Bertolak daripada beberapa definisi yang dipaparkan di atas, dapat difahami bahawa ia merupakan penjelasan dan huraian daripada dua definisi yang dikemukakan oleh sarjana Sayyid Qutb. Sarjana dan penyelidik yang muncul selepasnya cuba mengemukakan definisi tersendiri dengan berasaskan kepada dua definisi tersebut samada dengan membuat

---

<sup>19</sup> Muhammad Qutb (1981), h. 6

penambahan, huraian atau penjelasan. Pada dasarnya mereka tidak lari dari batu asas yang dibawa oleh tokoh sarjana tersebut.

Secara keseluruhannya kita dapat bawanya definisi mereka berteraskan kepada dua faktor utama yang terdapat dalam definisi Sayyid Qutb bagi menilai sastera Islam yang tidak boleh dipisahkan antara keduanya. Pertama, ungkapan indah. Kedua, gambaran atau perspektif Islam tentang alam, kehidupan dan manusia. Hasil dari gabungan kedua-dua unsur tersebut, maka lahirlah apa yang dikatakan sastera Islam.

Untuk menghasil dan menjayakan sesuatu karya sebagai karya sastera Islam, hendaklah digabungkan kedua-dua unsur tersebut, yang dapat melahirkan sastera Islam sebenar dengan syarat hendaklah sasterawan itu menganuti agama Islam dan berpegang kepada nilai-nilai Islam dan gambarannya bagi setiap tema yang hendak digambarkan atau masalah yang hendak dipaparkan.

Kesimpulannya, sasterawan Islam hendaklah berpandukan atau berasaskan kepada perspektif Islam tentang alam, manusia dan kehidupan dalam sesebuah karya. Dengan termeterainya kedua-dua unsur tersebut dalam sesebuah karya sastera maka terhasilah sebuah karya sastera Islam.

Dari definisi yang dibentangkan di atas, jelas menggambarkan bawanya ia memusatkan perbincangan kepada dua unsur utama di atas, bagi menilai sesebuah karya sastera Islam dan merupakan garis pengukur bagi sastera tersebut.

Tokoh reformasi Islam Sayyid Qutb telah meneroka tamadun ini dengan lontaran idea-idea kritikan bagi mencari identiti sastera Islam dan akhirnya beliau berjaya mengemukakan definisi sastera Islam. Sumbangan yang beliau suntikkan ini memberi nafas baru kepada sastera Islam untuk berkembang dalam zaman moden ini. Beliau merupakan seorang tokoh pelopor yang menghidupkan tamadun sastera Islam moden dengan idea-idea kritikan dan definisi yang menjadi batu asas kepada sarjana-sarjana selepasnya. Sumbangan tersebut memberi kesan positif dalam arus perkembangan tamadun tersebut.

## **KESIMPULAN**

Arus kebangkitan Islam telah menyumbang kepada kemunculan semula arus Islam dalam sastera. Ia dibawa oleh tokoh-tokoh reformasi Islam. Sayyid Qutb merupakan seorang tokoh reformasi Islam yang tidak asing lagi kepada masyarakat Islam di serantau dunia. Beliau merupakan seorang pejuang yang menghabiskan masanya untuk kebangkitan Islam. Sumbangan beliau merangkumi semua aspek kehidupan. Begitu juga beliau turut menyumbang idea-idea pemikiran yang dibukukan. Dalam bidang sastera Islam, beliau melaungkan gema ke arah bersastera mengikut perspektif Islam supaya dapat

dijadikan media dakwah. Idea-idea ke arah sastera Islam dilontarkan melalui penulisannya berbentuk artikel yang disiarkan melalui majalah *Ikhwan Muslimin*. Begitu juga beliau tidak ketinggalan menjelaskan konsep dan dimensi sastera Islam melalui buku-bukunya. Sumbangan yang amat berharga ialah definisinya terhadap sastera Islam yang membuka ruang kepada sarjana lain untuk turut menyemarakkan lagi arus sastera Islam. Hasil daripada definisi tersebut muncullah sarjana-sarjana yang menghurai dan mentafsirkannya dengan lebih mendalam sehingga muncullah karya sastera Islam yang berpandukan kepada garis panduan tersebut.

## BIBLIOGRAFI

- ‘Ādil Hamūdat (1996), *Sayyid Qutb Min al-Qaryat Ila al-Mishnaqat*, Cetakan ketiga. Kaherah: Dār al-Khayyāl.
- Abdul al-Bāqi Muhammad Husain (1986), *Sayyid Qutb Hayātuh Wa Adabuh*. al Mansūrat: Dār al-Wafa' Lil Taba’at Wa al-Nasyr Wa al-Tauzi`.
- Amir Hussain Mohd Nor (1997), *The Concept Of Jihad According To Sayyid Qutb In His Fī Zilāl Al-Qur'an*. Kajian Ilmiah, Universiti Of Edinburgh.
- Azmi Mohd Ali (1986.), *Biografi Asy-Syahid Saiyyid Qutb Rahimahullah*. Kuala Lumpur: Penerbitan Hizbi.
- Muhammad al-Sāyim (t.t.), *Shuhada' al-Islāmiyyat fī al-Qarni al-'Isyrīn*. Kaherah: Dār al-Fadīlat.
- Muhammad Awwal Abu Bakar (1978), *Sayyid Kutb ; A Study of His Critical Ideas*. Kajian Ilmiah, Universiti Of Edinburgh..
- Muhammad Qutb (1981), *Manhaj al-Fanni al-Islāmi*, Dār al Shuruq, Beirut.
- Sā’id Abu al-Redha (1983), *al Adāb al Islāmi - Qadīyah wa Bina'*, Jeddah .
- Salleh Adam Bilu (1985), *Min Qaḍāya al-Adāb al-Islāmi*, Jeddah: Dār al-Manārah.
- Sayyid Qutb (t.t.) *al-Naqd al-Adabi*, Beirut: Dar al-Shuruq.
- \_\_\_\_\_(1978), *Khaṣāis al-Tasāwwur al-Islāmi*, Jeddah: Ittihad al-Islami.
- Sayyid Basyīr Ahmad Kashmīri (1986), *Abqariyy al-Islām Sayyid Qutb al-Adīb al-Imlāq Wa al-Mujaddid al-Mulhim Fī Daw Asrih Wa Injāzātih al-Adabiyyat*. Kaherah: Dār al-Fadīlat.
- Sālah Abdul Fattah Al-Khalidiyy (1994.), *Sayyid Qutb Min al-Mīlad ila al-Isytishad*. Damsyik: Dar al-Qalam.
- Tahir Muhammad Ali (1989), *al-Malamih al-‘Ammah li Nazāriatī al-Adāb al-Islāmi*. Beirut: Dār al-Ma’rifah.